

Teras Utama Domain Afektif untuk Pembelajaran dalam Pendidikan Islam

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 68-79

© The Author(s) 2024

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 30 December 2023

Accepted: 10 January 2024

Published: 29 January 2024

[Main Core of Affective Domain for Meaningful Learning in Islamic Education]

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi¹, Mahfuzah Mohammed Zabidi^{2*}, Norhapizah Mohd Burhan³, Nur Syazwani Othman² & Siti Taniza Toha⁴

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: izzar@ukm.edu.my

2 Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Jalan Ilmu 1/1, 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
Email: mahfuzah3051@uitm.edu.my; 2022550277@student.uitm.edu.my

3 Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, Bandar Jengka, 26400 Bandar Tun Razak, Pahang, MALAYSIA.
Email: izahuaumm@uitm.edu.my

4 Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Jalan Kristal As7/As, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
Email: sititanizatoha@yahoo.com

*Corresponding Author: mahfuzah3051@uitm.edu.my

Abstrak

Pendidikan dalam Islam bertujuan memenuhi tuntutan hidup manusia dan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Ia meliputi ketiga-tiga domain manusia iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Kesepadan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam pendidikan diperlukan bagi melahirkan pelajar seimbang dari sudut jasmani, rohani, emosi dan intelek sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Taksonomi Bloom yang sering digunakan dalam dunia pendidikan sekarang sebenarnya lebih memberi fokus kepada domain kognitif. Pun begitu, domain afektif yang melibatkan aspek kejiwaan dan perasaan juga tidak kurang pentingnya. Domain afektif menjadi faktor penting wujudnya pembelajaran bermakna dan kehidupan sejahtera. Meskipun wujud kesedaran mengenai kepentingan domain afektif dalam membentuk pembelajaran bermakna, namun penumpuannya dalam kebanyakan proses pengajaran berlaku secara implisit atau tidak langsung. Kajian kualitatif secara analisis kandungan ini memfokuskan penulisan tentang domain afektif dan pembelajaran bermakna dalam pendidikan. Konsep pembelajaran bermakna yang diasaskan oleh teori konstruktivisme mendukung pencapaian objektif dan tujuan pembelajaran yang mementingkan penghayatan sikap, nilai dan tingkah laku serta proses sosialisasi sehingga berlaku penambahbaikan dalam diri dan kehidupan pelajar. Teras utama bagi domain afektif ditentukan dengan melihat komponen domain afektif yang paling lazim iaitu nilai, emosi, motivasi dan sikap. Dapatkan kajian menunjukkan teras utama domain afektif terdiri daripada aspek keilmuan dan pandangan alam, fitrah dan kesedaran bertuhan, kemanusiaan dan kasih sayang, serta fokus keakhiran dan penyucian hati yang membabitkan amalan *tafakkur* dan *tazakkur* sebagai teras unggul dalam pembinaan insan yang holistik. Pembentukan afektif yang mengetepikan elemen ketuhanan dan petunjuk kenabian tidak mampu membawa penghayatan nilai baik yang membawa ketenangan dan kebahagiaan pada jiwa manusia. Kefahaman dan penghayatan kepada elemen utama pembentukan domain afektif ini menjadi asas yang menyediakan pembelajaran bermakna untuk membentuk pelajar yang memiliki jiwa kemanusiaan yakni insan yang bertuhan dan memegang tinggi nilai kesejahteraan sangat.

Kata kunci: Domain afektif, Akhlak dan Tasawuf, Pendidikan Islam, *Lataif Quraniyah*, Pendidikan Nilai

Abstract

Education in Islam aims to meet the demands of human life and achieve happiness in this world and the hereafter. It covers all three human domains namely cognitive, psychomotor, and affective. The integration of cognitive, affective, and psychomotor domains in education is needed to produce balanced students from a physical, spiritual, emotional and intellectual point of view as desired in the National Education Philosophy. Bloom's taxonomy, which is often used in the world of education today, focuses more on the cognitive domain. Even so, the affective domain involving psychological aspects and feelings is also no less important. The affective domain is an important factor in the existence of meaningful learning and a prosperous life. Although there is an awareness of the importance of the affective domain in shaping meaningful learning, its concentration in most teaching processes occurs implicitly or indirectly. This qualitative content analysis study focuses on writing about the affective domain and meaningful learning in education. The concept of meaningful learning based on the theory of constructivism supports the achievement of learning objectives and goals that are concerned with the appreciation of attitudes, values, and behaviours as well as the socialization process so that there is improvement in the student's self and life. The main core of the affective domain is determined by looking at the most common components of the affective domain, which are values, emotions, motivations, and attitudes. The findings of the study show that the main core of the affective domain consists of knowledge and worldview, nature and godly awareness, humanity, and love, as well as a focus on the hereafter and purification of the heart involving the practice of *tafakkur* (contemplate) and *tazakkur* (remembrance) as a superior core in building a holistic human being. An affective formation that ignores divine elements and prophetic guidance is not able to bring the appreciation of good values that bring peace and happiness to the human soul. Understanding and appreciating the main elements of the formation of this affective domain becomes the basis that provides meaningful learning to form students who have a humanistic soul, that is, people who are godly and hold high the value of universal well-being.

Keywords: Affective domain, Ethics and Sufism, Islamic Education, Quranic Subtleties, Values Education

Cite This Article:

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Norhapizah Mohd Burhan, Nur Syazwani Othman, Siti Taniza Toha. (2024). Teras Utama Domain Afektif untuk Pembelajaran Bermakna dalam Pendidikan Islam [Main Core of Affective Domain for Meaningful Learning in Islamic Education]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 68-79.

Pengenalan

Tiga domain utama dalam bidang pendidikan ialah kognitif, afektif dan psikomotor. Domain kognitif menumpukan pembangunan ilmu dan pemikiran serta keupayaan intelektual. Domain afektif melibatkan perkembangan minat, pembentukan sikap dan penghayatan nilai serta kemahiran emosi untuk menerima, memberi respons, menghargai, menyusun dan menghayati nilai yang dipelajari (Anderson et al., 2001), manakala domain psikomotor adalah kemampuan yang dihasilkan oleh kemahiran motor agar berkebolehan menjalankan sesuatu aktiviti (Norhazizi & Ramlee 2019). Kesepaduan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam pendidikan diperlukan bagi melahirkan pelajar seimbang dari sudut jasmani, rohani, emosi dan intelek sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Mohd Nazir et al. 2020, Adlina et al. 2020). Namun begitu, fokus dan penekanan terhadap domain afektif perlu diberikan perhatian lantaran isu-isu yang membabitkan kesihatan mental semakin

menjadi-jadi dewasa ini. Peningkatan masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kegelisahan dan cubaan bunuh diri memberi indikator kelompongan aspek afektif atau kejiwaan manusia. Seseorang pelajar boleh memahami prinsip sesuatu nilai dan tingkah laku serta mampu menunjukkan kemahiran nilai tertentu tetapi sukar mengamalkannya dalam suasana sebenar apabila domain afektif tidak dibangunkan dengan sempurna (Safiah et al. 2018).

Konsep pembelajaran bermakna yang diasaskan oleh teori konstruktivisme mendukung pencapaian objektif dan tujuan pembelajaran yang mementingkan penghayatan sikap, nilai dan tingkah laku serta proses sosialisasi sehingga berlaku penambahbaikan dalam diri dan kehidupan pelajar (Ausubel et al. 1978, Siti Nazuar & Noor Aida 2018). Apabila penghayatan nilai dan sikap tidak berlaku maka pelajar tidak mencapai pembelajaran bermakna sekalipun pelajar beroleh pengetahuan baru dalam satu-satu sesi pembelajaran (Wan Mohd Nor 2019). Dalam prinsip pendidikan Islam, ‘kebermaknaan’ atau nilai sesuatu ilmu yang dipelajari tercapai apabila ilmu tersebut dapat menghubungkan si penuntut ilmu dengan hakikat dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Keterhubungan tersebut memandunya untuk menyedari kasih sayang dan keagungan Allah SWT ke atas sekalian alam hingga membawa dirinya menjalani kehidupan dunia dengan nilai Al-Din yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dengan ikhlas, rela dan bersungguh-sungguh serta tanpa sebarang rasa tertekan atau terpaksa.

Meskipun wujud kesedaran mengenai kepentingan domain afektif dalam membentuk pembelajaran bermakna, namun penumpuannya dalam kebanyakan proses pengajaran berlaku secara implisit atau tidak langsung disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor keadaan ini berlaku ialah tiada garis panduan yang khusus dan konkret untuk amalan pengajaran pensyarah bagi membangunkan domain afektif (Mahfuzah et al. 2020, Mohd Nazir et al. 2020), persepsi terhadap domain afektif yang disifatkan sebagai kompleks dan abstrak kerana spektrum kepelbagaian nilai, emosi, kepercayaan, sikap, kehendak, perasaan, nilai, kecenderungan dan minat seseorang (Adlina et al. 2020, Muhamad Afzamiman et al. 2020) dan penekanan pembelajaran masteri dalam domain kognitif (Nelson et al. 2020) serta anggapan ciri afektif terbentuk dengan sendiri tanpa memerlukan perancangan dalam pengajaran (Anderson 2001). Justeru, artikel ini berusaha mengenal pasti elemen utama yang membentuk domain afektif sebagai langkah permulaan merealisasikan pembelajaran bermakna untuk pelajar sehingga terbentuknya pentabiatan nilai positif dalam kehidupan sebenar.

Domain Afektif dalam Pembelajaran Bermakna

Domain Afektif

Domain afektif mencakupi skop kejiwaan yang melibatkan penghayatan sikap, nilai dan respon seseorang terhadap persekitaran. Pembentukan domain afektif yang baik dapat (i) membantu peningkatan sistem kognitif, (ii) membantu penstrukturkan konsep kendiri; (iii) membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas; dan (iv) dapat mewujudkan situasi pembelajaran yang efektif (Taber 2015). Perkembangan domain afektif melibatkan domain kognitif serta tingkah laku yang boleh diukur dari sudut kekerapan dan ketekalan sesuatu nilai ditunjukkan oleh pelajar. Dalam kata lain, domain kognitif dan afektif sewajarnya berjalan dan diperteguhkan secara serentak dan sepadu.

Anderson and Krathwohl (2001) mengenal pasti 4 komponen utama dalam menilai keberhasilan domain afektif, iaitu (i) kualiti emosi pada pelajar, (ii) kesudian atau kerelaan pelajar untuk menyedari, sensitif atau menerima sesuatu konsep seperti empati, (iii) peningkatan respons secara automatik, yakni respons yang berlaku setelah pelajar menghayati konsep dan kemahiran dalam skema amalan kendiri dan (iv) penghayatan nilai secara konsisten dengan tingkah laku seseorang. Penghayatan nilai murni seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat dan bersemangat kewarganegaraan merupakan kesan dari domain afektif yang baik.

Dalam konteks pendidikan Islam, tujuan akhir pendidikan ialah pembentukan insan baik. Proses dan penilaian pendidikan tidak terhenti setakat pembentukan kognitif atau perkara yang melibatkan ilmu pengetahuan atau teori, tetapi, lebih penting dari itu ialah penghayatan nilai yang dipelajari dalam sikap dan tingkah laku sehingga membentuk akhlak yang sempurna. Akhlak yang sempurna pula adalah natijah dari ketauhidan yang mantap kepada Allah SWT (Walid Al-Malik 2017). Oleh demikian, persoalan tentang afektif dari sudut pendidikan Islam mesti terhubung dan berpasak kepada nilai keyakinan kepada aspek ketuhanan dan keimanan serta dibuktikan secara fizikal dengan mengikut syariat Islam dan menghayati aspek penyucian jiwa yang terkandung dalam ilmu tasawuf (al-Taftazani 1979).

Insan, Akhlak dan Pembelajaran Bermakna

Insan terdiri dari empat unsur pertama, iaitu hati (*qalb*), akal, jiwa (*nafs*) dan roh yang wujud dalam dua keadaan yang serentak iaitu zahir dan batin ataupun jasmani dan rohani (al-Zabidi 1994). Manusia yang didefinisikan sebagai “*al-hayawan al-natiq*”, memiliki fakulti akal rohani ataupun dalaman, yang membolehkan manusia membentuk makna bagi sesuatu (*formulates meaning*). Melalui aktiviti akal yang bersifat dalaman seperti berfikir, menilai, membezakan dan menjelaskan, manusia juga mempunyai potensi dan kemampuan untuk menerangkan perkataan-perkataan yang dapat membentuk makna ataupun *a certain power and capacity to articulate words in meaningful pattern* (Al-Attas, 1980:14). Dengan itu, manusia memperolehi makna apabila mampu mengenali kebenaran dan membezakannya dengan kebatilan atau kepalsuan (Al-Attas, 1980:14). Kebenaran itu pula bukan sekadar dikenali tetapi diperakui dengan amalan atau tingkah laku sama ada merujuk kepada amalan jasmani atau amalan hati.

Kebenaran yang paling tinggi merujuk kepada Kewujudan dan Keagungan Allah SWT yang salah satu nama-Nya ialah Al-Haq. Malah, bertepatan dengan penghayatan terhadap wahyu pertama yakni Surah Al-Alaq ayat 1 hingga 5, tujuan utama menuntut ilmu ialah untuk mengenali Allah SWT dan mentaati-Nya dengan sepenuh penyerahan diri secara sedar dan rela. Justeru, pembelajaran bermakna berlaku apabila pengenalan terhadap Allah SWT semakin dihayati dan diterjemahkan dengan cara berusaha mengetahui sifat-sifat Allah SWT dan cara mengerjakan semua perintah-Nya seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Dengan merujuk Allah SWT sebagai sumber segala ilmu, maka pembelajaran setiap bidang pengajian berupaya untuk menampilkan nama dan sifat-sifat Allah SWT dan seterusnya menghubungkan pelajar dengan kesedaran bertuhan atau sikap mengakui kebesaran Tuhan (Al-Attas 2015).

Dalam wacana pendidikan Islam domain afektif terletak dalam perbahasan ilmu akhlak yang melibatkan perbicaraan ilmu tasawuf dan penyucian jiwa dari sifat mazmumah seraya diserikan dengan sifat mahmudah. Akhlak adalah gambaran batin individu atau sifat jiwa yang melahirkan sifat lahiriah sama ada baik atau buruk (Ibn Manzur 1994). Al-Ghazali (2005) mendefinisikan akhlak sebagai suatu keadaan atau sifat yang melekat pada jiwa manusia yang lahir daripadanya perbuatan yang senang dan mudah, tanpa melalui proses pemikiran, pertimbangan atau penelitian. Definisi yang diberikan oleh Ibn Miskawayh (1968) pula adalah sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong seseorang itu melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan kerana sifat tersebut telah menjadi watak seseorang secara alamiah atau sifat tersebut sudah dilatih dan dibiasakan. Pembelajaran bermakna juga melibatkan pembentukan atau pentabiatan jiwa sehingga dapat bertingkah laku dengan akhlak yang mahmudah secara spontan dan mudah agar insan dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Matlamat ini tidak berupaya dicapai sekiranya aspek intelek atau kognitif sahaja yang diambil kira. Pembelajaran bermakna yang dapat membantu proses pentabiatan perlu disempurnakan dengan proses pendidikan yang melibatkan hati nurani yang bersih (Mohd Kamal 2018, Wan Mohd Nor 2019).

Selain itu, pembelajaran bermakna juga melibatkan adab. Hal ini merujuk kepada satu riwayat yang walaupun sanadnya *dhaif* tetapi maksudnya sahih iaitu “*Addabani Rabbi fa ahsana Ta’adibi*” yang bermaksud, “Tuhanku telah mendidikku dan itulah sebaik-baik pendidikan.” Dalam riwayat Ibnu Majah, Nabi SAW bersabda, “*Akrimu auladakum wa ahsinu adabahum*” yang bermaksud “Muliakan anak-anak kalian dan perbaiki adab mereka.” Al-Attas (1990:30) juga telah mendefinisikan adab sebagai, “Pengenalan dan pengakuan tentang hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat yang merupakan hakikat yang berlaku dalam tabiat alam semesta.” Tanpa ilmu (pengenalan) atau amal (pengakuan), manusia terdedah kepada penyakit keangkuhan mahupun kejahanan, sekalipun dilihat secara zahir menguasai ilmu yang banyak. Pembelajaran bermakna bukan sekadar melibatkan proses mendapat ilmu, bahkan apa yang lebih penting ialah pembentukan adab dalam diri sehingga dapat berhubung baik dengan Pencipta dan sesama makhluk (Al-Buti 2018).

Pembelajaran bermakna bagi seseorang insan harus membantu individu tersebut berhubung dengan diri sendiri kerana segala kebaikan dan keburukan bermula dan berakhir dengan diri sendiri. Hal ini berkaitan dengan hakikat bahawa kebahagiaan dan kesengsaraan bermula dan berakhir dengan diri sendiri (Al-Attas 2015). Dalam kata lain pembelajaran bermakna tercapai apabila seseorang itu menyedari kepentingan untuk menghargai diri selaku hamba dan khalifah Allah SWT dan menjaga dirinya dari terjebak dengan kemurkaan Allah SWT. Kesedaran ini membawanya untuk berakhlak dengan Allah SWT dan makhluk lain dengan akhlak yang bersesuaian.

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah difahami bahawa pembinaan domain afektif perlu mengambil kira konsep insan, pengenalan dan pengakuan diri kepada Allah SWT, pembersihan jiwa dari sifat buruk dan penunaian akhlak mulia kepada diri sendiri, Tuhan dan alam. Kesemua aspek ini memerlukan kefahaman secara ilmiah atau akliyah, tetapi tidak wajar terhenti setakat itu, sebaliknya perlu dirancang pendekatan untuk pentabiatan nilai-nilai baik yang terbit dari kefahaman tersebut. Kombinasi aspek kefahaman dan penghayatan sehingga terbentuk pentabiatan sikap mulia lantaran benar-benar merasai keterhubungan dengan sifat Al-

Rahman Allah SWT, itulah yang dinyatakan sebagai pembelajaran bermakna dalam perspektif Islam.

Metodologi

Kajian kualitatif secara analisis kandungan ini memfokuskan penulisan tentang domain afektif dan pembelajaran bermakna dalam pendidikan. Artikel-artikel yang menampung kata kunci tersebut dianalisis secara induktif dan deduktif dalam bentuk tematik. Terdapat tiga peringkat telah dilakukan untuk memastikan dokumen yang berkaitan dan relevan dengan kajian diteliti dengan sebaiknya. Peringkat pertama ialah menghimpunkan dokumen di dalam tema yang dimaksudkan daripada 4 jenis enjin carian: (a) pangkalan data Web of Science dan Scopus, (b) pangkalan data ERIC yang menghimpunkan penulisan bidang pendidikan, (c) Google Scholar, dan (d) buku muktabar atau e-buku. Peringkat kedua ialah menyaring dokumen yang telah dihimpunkan untuk melihat kesesuaian dengan fokus kajian, dan menganalisis dokumen dengan membina tema yang bersesuaian. Aspek yang diambil kira ialah pencirian elemen utama domain afektif dan pembelajaran bermakna yang menggunakan pendekatan *Lataif Quraniyah* dalam menekankan aspek keterhubungan dengan Allah SWT, konsep Al-Din berdasarkan ayat Al-Quran dan hadis berkaitan, penghuraian aspek *Makrifatullah* dan *Mahabbah Rasulullah SAW*. Melalui pendekatan kualitatif dan kaedah analisis data seperti yang dinyatakan, pengkaji melihat elemen utama domain afektif dalam membentuk pembelajaran bermakna dan pendekatan yang boleh digunakan oleh para pendidik untuk mengukuhkan domain tersebut bagi mencapai pembelajaran bermakna untuk pelajar.

Dapatan dan Perbincangan

Dengan menggunakan analisis kandungan dan juga pendekatan *Lataif Quraniyah*, kajian ini mengenal pasti beberapa elemen utama yang berkait rapat dengan domain afektif. Pendekatan Lataif Quraniyah ialah pendekatan yang memfokuskan aspek spiritual dan penghayatan jiwa dalam mengambil ibrah daripada Al-Quran dengan meneliti kehalusan nilai makna, pengertian dan rahsia-rahsia kalimah Al-Quran dalam pelbagai dimensi yang berselari dengan asas pentafsiran al-Quran berdasarkan Ulum al-Quran. *Lataif Quraniyah* juga adalah salah satu bentuk *tadabbur* Al-Quran yang memanfaatkan pemikiran aras tinggi yang bersepadu dengan keadaan kerohanian yang baik. Konsep ini dinisbahkan kepada Imam Fakhr al-Din al-Razi (w. 606 H) melalui pengkajian terhadap karya agungnya berjudul *Mafatih al-Ghayb* yang juga dikenali sebagai *al-Tafsir al-Kabir*. Pendekatan ini juga merupakan garapan antara kefahaman *al-Din*, *Asalib al-Bayan* dan *Tazkiyah al-Nafs* yang memfokuskan aspek kejiwaan dan kerohanian insan serta rasa terhubung dengan Allah SWT selaku Pemilik Kalam (Al-Quran) (Ahmad Fakhruddin 2018). Justeru, berdasarkan ayat tertentu yang difahami menggunakan pendekatan *Lataif Quraniyah*, beberapa teras utama domain afektif dikenal pasti dalam melahirkan penghayatan ilmu yang dipelajari. Elemen tersebut ialah (i) keilmuan dan pandangan alam, (ii) fitrah dan kesedaran bertuhan, (iii) kemanusiaan dan kasih sayang (iv) fokus keakhiratan, (v) penyucian hati yang membabitkan amalan *tafakkur* dan *tazakkur*.

Keilmuan dan Pandangan Alam

Berghout (2007) merumuskan bahawa pandangan alam Islam adalah satu pandangan umat yang bersifat kolektif mengenai Pencipta, kewujudan alam ghaib, alam nyata, kehidupan, kemanusiaan, kerasulan, kekhilafahan, masyarakat, sejarah dan akhirat mengikut interpretasi ulama terhadap ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Pandangan alam yang benar hanya dapat dibentuk berdasarkan kepercayaan yang tepat mengenai konsep ilmu. Dalam Islam, persoalan konsep ilmu mempunyai perkaitan yang langsung dengan iman. Ilmu dalam Islam berteraskan wahyu. Namun begitu, epistemologi Islam tidak menolak atau merendahkan fungsi dan kepentingan pemerhatian empirikal, eksperimen saintifik dan pemikiran manusia dalam mencari ilmu dan kebenaran (Ahmad Munawar & Kamarul Azmi 2016). Krisis kejiwaan yang membabitkan soal afektif berpunca dari kekeliruan ilmu yang disebabkan oleh kegagalan umat Islam mengenali ilmu dan sifat ilmu secara tepat (Al-Attas 2013). Proses pendidikan yang didasari oleh ilmu yang betul dan sahih menatihkan pandangan alam yang lebih luas dan mendalam. Ilmu yang sahih membentuk pandangan yang tepat mengenai konsep utama kehidupan iaitu (i) hidup, (ii) dunia, (iii) ilmu, (iv) insan dan (v) nilai. Kelima-lima konsep ini kemudiannya membentuk pemahaman dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara sehingga memandu afektif dan tindak tanduk seseorang. Dengan itu, bentuk dan jenis pendidikan yang dilalui oleh seseorang sama ada berlandaskan kepada konsep ilmu dan pandangan alam yang benar atau tidak adalah faktor utama yang menentukan peribadi, sikap dan tingkah laku seseorang individu (Mohd. Shukri Hanapi 2013, Fadzila Azni 2012).

Fitrah dan Kesedaran Bertuhan

Fitrah ketundukan kepada Satu Kuasa sebagai tempat bergantung dan meminta pertolongan ialah satu tabiat asli yang ditentukan oleh Allah SWT ke atas manusia. Fitrah atau kecenderungan ini bertitik tolak dari peristiwa Perjanjian Asali di alam roh. Manusia menyaksikan dan mengakui ketuhanan Allah SWT dengan penuh sedar dan sukarela. Fitrah ini membuatkan manusia mempunyai nurani yang cenderung berserah diri dan mengembalikan seluruh kehidupannya kepada Allah SWT. Penyerahan ini bukan sahaja memberikan satu ketenangan jiwa kepada manusia kerana meyakini penjagaan dan perlindungan Tuhan, bahkan menjadi asas untuk manusia bersikap baik dan menghindari sifat tercela.

Terdapat pelbagai bentuk penyerahan diri kepada Kuasa yang dianggap Tuhan. Namun, hanya penyerahan diri menerusi *Al-Din* yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang diterima oleh Allah SWT. Kefahaman ini merujuk firman Allah ayat 19 Surah Ali Imran yang bermaksud, “Sesungguhnya (*al-Din*) agama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam.” Syariat atau cara hidup yang terkandung dalam *Al-Din Al-Islami* menyepadukan aspek keyakinan, penghayatan dan pengamalan *jasadiah* yang bukan bertujuan mengongkong manusia atau menyalimi manusia, tetapi *Al-Din* ialah tanda kasih sayang Allah SWT yang mengetahui fitrah dan apa yang diperlukan oleh manusia.

Dengan mengikut *al-Din* juga manusia beroleh kebebasan dan kemuliaan kerana dapat mengawal dan mentadbir diri dari menurut hawa nafsu yang membawa penyesalan dan kezaliman kepada diri sendiri (Mohd Farid 2012). Pengawalan diri dari nafsu *ammarah*

memberikan satu kelebihan kepada manusia untuk menjalankan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dengan baik. Manusia yang mengikut panduan al-Din sentiasa berusaha ke arah mendekatkan diri dengan Tuhan. Seseorang itu tidak akan mudah untuk berputus asa untuk sampai kepada keadaan diri yang fitrah.

Kemanusiaan dan Kasih Sayang

Perutusan Rasulullah SAW untuk membawa *Al-Din al-Islami* adalah untuk membawa rahmat kepada sekalian alam. Nabi SAW ialah contoh insan yang membawa akhlak kemanusiaan dan kasih sayang yang sempurna. Rasulullah SAW mengajar manusia untuk beradab kepada diri, Allah SWT dan makhluk lain. Antara adab dengan diri ialah dengan mengawal syahwat, amarah dan akal sebaiknya dengan meletakkan ketiga-tiga unsur ini pada tempat yang wajar agar manusia dapat menikmati kebahagiaan. Dalam aspek menunaikan hak dengan keluarga dan masyarakat umum pula, manusia diingatkan agar tidak sekali-kali menyakiti mereka dan berusaha untuk berbuat sesuatu yang bermanfaat kepada mereka (Al-Ghazali 2007). Dalam hadis baginda juga, Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa, “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (*Musnad Ahmad*, Hadis No. 8952). Oleh demikian, dapat difahami bahawa domain afektif melibatkan pembentukan akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia membawa hubungan kasih sayang dan harmoni dalam kalangan makhluk di alam. Kehidupan yang sejahtera disebabkan nilai kasih sayang ini membawa penghayatan kepada kasih sayang Allah SWT kepada manusia dan sekalian makhluk-Nya.

Selain itu, manusia diingatkan untuk mencintai orang lain seperti mencintai diri sendiri serta memperlakukan orang lain sebagaimana dirinya ingin diperlakukan. Gesaan ini berdasarkan kepada hadis “Tidak beriman seseorang daripada kamu melainkan setelah dia mencintai sesuatu untuk saudaranya seperti mana dia mencintai perkara tersebut untuk dirinya.” (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Anas bin Malik). Dengan itu, termasuk juga dalam adab kepada orang lain adalah merendah diri dan tidak bersikap *takabur*, menghormati orang yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda, menampakkan keceriaan di hadapan semua orang, mendamaikan dua orang Muslim yang sedang berselisih, tidak mudah termakan hasutan atau berita yang negatif daripada orang lain, bertegur sapa, memaafkan kesalahan, berbuat baik kepada semua, bergaul dengan masyarakat mengikut kaedah budaya mereka, tidak mengharapkan balasan daripada orang yang tidak berpengetahuan (Al-Ghazali 2007, Sa'id Hawwa 2004).

Beradab kepada orang lain juga merangkumi sifat menghargai kedudukan dan status sosial seseorang, menutup aib sesama Muslim, menjaga hati dari berburuk sangka, berusaha memenuhi hajat sesama Muslim, bersegera mengucapkan salam dan berjabat tangan, membantu saudara yang dihina oleh orang lain, bergaul dengan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaya atau miskin, menziarahinya ketika sakit, mendoakannya dari jarak jauh dan memberikan kepadanya sesuatu yang akan menyenangkan dirinya dan menjauhkannya sesuatu yang akan membuatnya terluka (Al-Ghazali 2007, Sa'id Hawwa 2004). Keseluruhan akhlak yang dinyatakan adalah berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah yang mengarah jiwa manusia untuk tidak mementingkan diri dan mengutamakan kepentingan orang lain. Malah kesemua akhlak yang dianjurkan tersebut merupakan manifestasi keimanan dan akhlak kepada Allah SWT. Antara adab kepada Allah SWT ialah meluruskan niat amal soleh, menunaikan ibadah

yang diwajibkan, melazimi mengingati-Nya, berusaha menjaga syi'ar keIslamam seperti melazimkan solat berjemaah dan mengamalkan sunnah Rasulullah SAW. Selain itu, termasuk dalam adab dengan Allah SWT juga adalah ibadah hati iaitu rasa syukur, sabar, reda dan bersangka baik kepada-Nya. Dengan demikian, seseorang Muslim perlu sentiasa belajar dan menuntut ilmu untuk mengenali Allah SWT agar keimanan kepada Allah SWT dilakukan secara sedar dan sukarela (Sa'id Hawwa 2004).

Selain itu, seseorang manusia perlu menjaga adab dengan diri sendiri kerana tanpa adab tersebut, diri seseorang akan mendapat mudarat. Bagi seorang pelajar, tanpa menjaga adab kepada diri, ilmu yang dimiliki tidak akan membawa manfaat. Sebagai merealisasikan adab yang merupakan matlamat utama pendidikan dan proses mencari ilmu, adab harus bermula dengan diri sendiri. Seseorang itu harus terlebih dahulu mengenal dan mengakui susunan kedudukan dirinya yang sebenar dalam hubungan dengan diri sendiri, keluarga, masyarakat, alam sekitar berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Allah SWT. Susunan tersebut adalah mengikut hierarki dari sudut keilmuan, ilmu spiritual dan nilai budi antara seorang manusia dengan manusia yang lain. Insan yang beradab juga akan bertindak dan beramal selari dengan ilmu yang dimiliki (Az-Zarnuji 2010). Secara umumnya, dapat difahami bahawa kemanusiaan dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW membawa kepada sikap menyejahterakan umat dengan bersikap *ithar* yakni mendahulukan kepentingan orang lain serta prihatin dan tidak bersifat bakhil (Surah al-Hasyr: 9).

Fokus Dunia untuk Akhirat

Kesedaran mengenai kedudukan Islam sebagai agama yang direndai Allah SWT membawa manusia melihat kehidupan di dunia sama ada dalam urusan kekeluargaan maupun kemasyarakatan dengan fokus akhirat yang mengambil pedoman dari firman Allah SWT dalam ayat 17 Surah Al-A'la ia itu, "Dan akhirat itu lebih baik dan kekal selamanya." Fokus keakhiratan merujuk kepada keyakinan bahawa dunia adalah medan beramal dan akhirat adalah kehidupan sebenar lagi abadi. Kesedaran untuk memfokuskan akhirat lahir dari kesedaran mengenai tujuan beragama iaitu penunaian perjanjian Asali yang dinyatakan (Al-A'raf: 172). Keyakinan kepada akhirat membawa jiwa manusia untuk bersungguh-sungguh dalam kehidupan dunia dengan niat yang diikhlaskan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah SWT (Mohd Farid 2012).

Dengan meletakkan fokus kehidupan kepada kehidupan abadi di akhirat, manusia terhindar dari pengaruh sekularisme yang memisahkan kehidupan dunia dengan akhirat atau tuntutan agama. Selain itu, tidak akan wujud perbuatan baik dan beretika yang tidak terhubung dengan keyakinan kepada Tuhan dan kehidupan selepas mati. Sebarang usaha dan kebaikan yang dilakukan di dunia menjadi sumber kebahagiaan di akhirat apabila seseorang itu melakukannya dengan niat dan perspektif yang betul. Penghayatan nilai seperti bersungguh-sungguh, tekun melakukan amanah, mudah memaafkan perbuatan orang lain, tidak berputus asa, tidak malas dan ikhlas merupakan antara nilai yang dapat disemai dalam diri seseorang apabila akhirat menjadi fokus. Sebarang kesukaran atau cabaran hidup di dunia dihadapi dengan tenang, sabar dan penuh kesyukuran. Natijahnya, seseorang itu berusaha untuk mengamalkan setiap ilmu dan nilai yang diperolehi dalam pembelajaran yang diikuti (Al-Attas 2015).

Penyucian Hati

Pembangunan individu itu merangkumi aspek fizikal (luaran) dan aspek rohani (dalaman) (Al-Ghazali, 2005). Kedua-dua aspek ini saling berhubung di mana aspek dalaman ini iaitu rohani meliputi emosi, sikap, motivasi yang boleh mempengaruhi sikap luaran bahkan mempengaruhi aspek dalaman seseorang (Sham et al., 2013). Walau bagaimanapun aspek rohani lebih mempengaruhi personaliti seseorang. Hal ini demikian kerana aspek rohani itu melibatkan anggota hati (Ismail et al., 2021).

Sementelahan itu, seorang Muslim perlu melalui proses penyucian hati atau *tazkiyah al-nafs* dalam membentuk insan kamil. Menurut Imam al-Ghazali (2005), proses penyucian hati mesti melalui dua proses yang dikenali sebagai *mujahadah al-nafs (al-takhalli)* dan *riyadhah al-nafs (tahalli)*. *Mujahadah al-nafs (al-takhalli)* ini bermaksud bersungguh-sungguh dalam menyingkirkan sifat-sifat mazmumah seperti mementingkan diri, hasad dengki, cinta pada dunia, sombong dan *riya'*. Manakala, *riyadhah al-nafs (al-tahalli)* pula bermaksud menghiasi atau melatih diri untuk berbuat kebaikan yang terdiri daripada sifat-sifat mahmudah secara berterusan sehingga sukar untuk kembali melakukan perkara-perkara keburukan (Sham et al., 2013). Kedua-dua konsep iaitu *mujahadah al-nafs* dan *riyadhah al-nafs* ini membabitkan amalan menyucikan jiwa, iaitu dengan taubat, ikhlas, *tafakkur*, zikir, sabar, reda, syukur dan akhlak *mahmudah* yang lain supaya mencapai keadaan diri yang *mutmainnah*.

Seseorang yang memahami tujuan beragama sentiasa berusaha mendekatkan diri dengan Tuhan dengan memberi perhatian kepada pembinaan dan kesejahteraan hati (*Qalbun Salim*) serta menghargai kemanusiaan dengan berusaha memberi kebaikan kepada manusia lain dan alam sekitar (Al-Ghazali 2007, Mohd Farid 2012). Sifat mazmumah seperti malas dalam menuntut ilmu, buruk sangka, tidak amanah, tidak jujur dalam berkata-kata dan berkelakuan buruk dapat dibersihkan. Penyucian hati ini bukan sahaja membersihkan hati tetapi juga membimbing dan mengarahkan jiwa ke arah jalan yang diredayai Allah.

Kesimpulan

Artikel ini mengetengahkan kepentingan domain afektif dalam pembentukan pembelajaran bermakna yang menjadi asas kepada pembinaan insan holistik. Elemen utama pembinaan domain afektif yang menumpukan aspek penghayatan nilai dan sikap yang baik perlu dipasangkan atas kefahaman yang benar terhadap konsep fitrah dan kesedaran bertuhan yang membawa seseorang menyedari kewujudan dan kekuasaan Tuhan dalam kehidupannya. Kehidupan dunia dilalui dengan bersungguh-sungguh dengan meletakkan kebahagiaan abadi di akhirat sebagai fokus. Dalam memenuhi fitrah dan kesedaran bertuhan tersebut, elemen kasih sayang dan mencontohi akhlak Nabi SAW diberi perhatian. Pembentukan nilai baik atau afektif yang mengetepikan elemen ketuhanan dan petunjuk kenabian tidak mampu membawa penghayatan nilai baik yang membawa ketenangan dan kebahagiaan pada jiwa manusia. Oleh itu, budaya menuntut ilmu sepanjang hayat dan mengaitkan ilmu dengan sifat dan nama Allah SWT perlu disepadukan dengan proses pembinaan domain afektif. Pendekatan penyucian jiwa melalui proses refleksi atau muhasabah, juga amalan *tafakkur* dan *tazakkur* juga perlu

dititikberatkan. Kefahaman dan penghayatan kepada elemen utama pembentukan domain afektif ini menjadi asas yang menyediakan pembelajaran bermakna untuk membentuk pelajar yang memiliki jiwa kemanusiaan yakni insan yang bertuhan dan memegang tinggi nilai kesejahteraan sejagat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) Universiti Kebangsaan Malaysia atas Dana Penyelidikan Kebangsaan yang berdaftar dengan kod rujukan FRGS/1/2023/SSI13/UKM/02/1.

Rujukan

- Adlina Abdul Khalil, Mohd Khairi Othman, & Mohd Kasri Saidon. 2020. Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islāmiyyāt*, 42((Khas)), 13–20.
- Ahmad Fakhrurrazi, M.Z., 2018. *Konsep al-Lataif Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad, Ibn Hanbal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*. Tahkik Syuaib Arna'ut. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2015. *On Justice and The Nature of Man*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. 1989. *al-Adab al-Mufrad*, Tahkik Mohammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyah.
- Al-Buti, Said Ramadan. 2018. *Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publication & Distributors.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2005. *Ihya' ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tauzic wa al-Nasyr al-Islamiyah.
- al-Hakim, Abu Abdullah. 1990. *al-Mustadrak ala al-Sahihayn*, Tahkik Mustafa Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghanimi. 1979. *Madkhal ila al-Tashawwuf al-Islami*, al-Qahirah: Dar al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Zabidi, Muhammad Bin Muhammad al-Husayni. 1994. *Ittihaf al-Sadat al-Muttaqin bi Syarh Ihya Ulum al-Din*. Yaman: al-Matba'ah al-Yamaniyah.
- Anderson, L.W., & Krathwohl, D. (Eds.). 2001. *Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Ausubel, D. P., Novak, J. D., & Hanesian, H. 1978. *Educational psychology: A cognitive view* (2nd ed.). New York, NY: Holt, Rinehart and Winston.
- Az-Zarnuji. 2010. *Ta'līm al-Mutallim Tariq al-Ta'llum*. Terj. Abd. Ghani Maraqi. Kota Bharu : Jabal Maraqi Enterprise.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram. 1994. *Lisān al-'Arab*. Ed. Ke-3. Jil. Ke-3. Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibākah wa al-Nasyr wa al-Tawzic.
- Imam Muslim, (tt), *al-Musnad al-Sahih*, Tahkik Mohammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Dar

Ihya' Turath Arabi.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025* (Pendidikan Tinggi). In Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Mahfuzah MZ, Asmaa MA, Norakmal AH, Mohd HAW & Siti Khurshiah. 2020. The Lecturers' belief on ethics and Professional Moral Values in Teaching Practices. *Asian Journal of University Education*. 16(2):77 – 83.
- Miskawayh, Ahmad ibn-Muhammad. 1968. *Tahdib al-Akhlaq*. (The Refinement of Character). Terj. C.K. Zuraik. Beirut: American University of Beirut.
- Mohd Farid Mohd Shahran. 2012. Mithaq sebagai landasan agama dan akhlak Dlm. *Adab dan Peradaban: Karya pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib AlAttas*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing. hlmn. 115-132.
- Mohd Nazir Md. Zabit, Zubeidah Zachariah, T., Abdullah, N., Mohamed Noh, N., Hasnida Che Md Ghazali, N., & Ahmad, H. 2020. The Development and Validation of an Integrated Learning Method Based on Problem-Based Learning in a Pedagogy, Technology and Assessment Course at Malaysia Public Universities. *International Journal of Asian Social Science*, 10(2), 142–150.
- Muhamad Afzamiman Aripin, , R. Hamzah, P. Setya, M. H. M. Hisham, M. I. Mohd Ishar. 2020. Unveiling a new taxonomy in education field. *International Journal of Evaluation and Research in Education*. 9(3): 524-530
- Nelson, J., Pender, D. A., Myers, C. E., & Sheperis, D. 2020. The Effect of Affect: Krathwohl and Bloom's Affective Domains Underutilized in Counselor Education. *The Journal of Counselor Preparation and Supervision*, 13(1). <http://dx.doi.org/10.7729/131.1279>
- Norhazizi Lebai Long, & Ramlee Mustapha. 2019. Analisis Taksonomi Bloom dalam penilaian vokasional: pembangunan suatu Taksonomi baharu menggunakan Teknik Delphi. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 15(1), 65–75.
- Sa'id Hawwa. 2004. *Jundullah Thaqafatun wa Akhlakan*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Safiah Abd. Razak, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2018. Relevensi Tasawuf dan Pembangunan rohani Insan: Satu Sorotan Awal. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. 1(4): 71-84.
- Siti Nazuar Sailin, & Noor Aida Mahmor. 2018. Improving student teachers' digital pedagogy through meaningful learning activities. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 143–173. <https://doi.org/10.32890/mjli2018.15.2.6>
- Taber, K. S. 2015. Affect and meeting the needs of the gifted chemistry learner: Providing intellectual challenge to engage students in enjoyable learning. In *Affective Dimensions in Chemistry Education* (pp. 133-158). Springer Berlin Heidelberg
- Walid Al-Malik. 2017. *Allah: Syariat dan Hakikat I Suatu Penghuraian*. Jenjarom. Sunan Press PLT.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2019. *Budaya Ilmu Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur. CASIS & HAKIM